

**PERKEMBANGAN ADAT MEMUJA SEMANGAT
PADI MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI
MEMBAKUT, SABAH, 1960-2010**

NORISAH BINTI PIRIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**PERKEMBANGAN ADAT MEMUJA SEMANGAT
PADI MASYARAKAT KADAZANDUSUN DI
MEMBAKUT, SABAH, 1960-2010**

oleh

NORISAH BINTI PIRIN

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi Keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2017

PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi kekuatan semangat agar dapat menyiapkan penulisan ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghormatan saya titipkan kepada penyelia utama Dr Low Choo Chin, penyelia bersama Dr Ku Boon Dar dan Dr Sah Hadiyatan Ismail atas bimbingan, teguran dan nasihat yang menjadi perangsang kepada saya menjana idea yang kritis untuk penulisan ini. Keyakinan dan kata-kata motivasi mereka menjadi pembakar semangat saya untuk terus berusaha dengan gigih demi melaksanakan kajian ini, walaupun saya terpaksa menempuhi pelbagai halangan dan rintangan.

Penghargaan buat keluarga yang tercinta, suami saya Aliamat, anak anak Mohd Nazry, Mohd Nazrul, Mohd Nazrel, kedua ibubapa saya Encik Pirin dan Puan Lina, kedua ibubapa mertua saya Haji Kadir dan Hajah Esah serta kepada semua adik beradik saya. Penulisan ini hadiah saya kepada kalian atas pengorbanan, sokongan dan dorongan agar saya terus kental menyiapkan kajian ini. Kalian merupakan sumber inspirasi saya.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua penduduk di Membakut terutama sekali Penolong Pegawai Daerah, Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri Membakut, Ketua Kampung, Puan Ansiun Pagangan (*bobolizan*), Puan Tialum Siwoi (*mamadangau*), mendiang Encik Olat Aluan (bekas Ketua Kampung Limadang, telah meninggal dunia pada 17 Februari 2017), mendiang Puan Delima Sawin (telah meninggal dunia pada 16 Julai 2016), Puan Piunah Sadong (waris *bobolizan*), Puan Sakiah Baginda (Pastor Gereja Basel Kampung Dungau dan Kampung Bingkulas), Encik Godfrey Daya (Wakil Gereja St Patrick Membakut) serta Encik Francis Lai. Saya akui tanpa maklumat daripada penduduk Membakut, sudah tentu saya tidak akan dapat menyiapkan penulisan ini dengan jayanya. Budi dan jasa mereka akan saya kenang hingga ke akhir hayat.

Akhir sekali, terima kasih kepada semua kakitangan Arkib Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah cawangan Kota Kinabalu dan Perpustakaan Negeri Sabah cawangan Beaufort, kakitangan Perpustakaan Muzium Negeri Sabah, Cik Laiceh dan Encik Yusuf (Jabatan Pertanian Membakut dan Jabatan Pertanian Beaufort), Haji AB Sitia Haji Alip (Jabatan Pengairan dan Saliran) serta Puan Aminah dan Haji Ibrahim (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah cawangan Membakut). Terima kasih atas kesabaran melayan saya mencari maklumat kajian. Jasa kalian dalam ingatan.

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Senarai Kandungan.....	iv
Senarai Jadual.....	viii
Senarai Gambar.....	x
Senarai Peta.....	xi
Senarai Istilah.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiv
Abstrak.....	xv
Abstract.....	xvi

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian.....	1
1.1 Objektif Kajian.....	8
1.2 Kenyataan Hipotesis.....	8
1.3 Pendekatan Kajian.....	8
1.3.1 Pendekatan Sejarah.....	8
1.3.2 Pendekatan Etnosejarah.....	9
1.4 Kaedah Kajian.....	9
1.4.1 Kajian Arkib.....	9
1.4.2 Kajian Perpustakaan.....	10
1.4.3 Kaedah Temubual.....	10
1.4.4 Kajian Lapangan.....	12
1.5 Sorotan Literatur.....	13
1.6 Kepentingan Kajian.....	19

1.7	Pembahagian Bab.....	22
BAB 2 : MEMBAKUT DAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN		
2.0	Pengenalan.....	25
2.1	Sejarah Membakut.....	25
2.2	Demografi Membakut.....	34
2.3	Istilah Kadazandusun.....	36
2.4	Asal-Usul Kadazandusun.....	38
2.5	Asal-Usul Kadazandusun di Membakut.....	47
2.6	Penutup.....	51
BAB 3 : KEDATANGAN BRITISH DAN ADAT MEMUJA SEMANGAT PADI		
3.0	Pengenalan.....	52
3.1	Tinjauan Adat Masyarakat Kadazandusun.....	53
3.2	Kepercayaan kepada Semangat Padi.....	64
	3.2.1 Asal Usul Semangat Padi.....	66
3.3	Kepentingan Adat Memuja Semangat Padi.....	70
	3.3.1 Dipercayai Dapat Meningkatkan Hasil Padi.....	71
	3.3.2 Penghormatan kepada Semangat Padi.....	73
	3.3.3 Penzahiran Rasa Syukur.....	75
	3.3.4 Tamatnya Tempoh Berpantang.....	76
	3.3.5 Meraikan Tamatnya Menuai Padi bagi Sesuatu Musim...	77
3.4	Penutup.....	78

**BAB 4 : PERKEMBANGAN ADAT MEMUJA SEMANGAT PADI,
1960-AN HINGGA 1980-AN**

4.0	Pengenalan.....	80
4.1	Pengekalan Tradisi Mendorong kepada Perkembangan Adat Memuja Semangat Padi.....	81
4.1.1	Adanya <i>Bobolizan</i>	81
4.1.2	Pengekalan Kepercayaan Animisme.....	87
4.1.3	Kepatuhan kepada Pantang Larang Berpadi.....	89
4.2	Faktor-faktor Lain yang Mendorong kepada Perkembangan Adat Memuja Semangat Padi.....	91
4.2.1	Peranan <i>Kadazan Dusun Cultural Association</i> (KDCA).....	92
4.2.2	Perkembangan Pesta Menuai.....	94
4.2.3	Perkembangan Ritual Memuja Semangat Padi.....	98
4.2.4	Perkembangan Penanaman Padi.....	100
4.3	Penutup.....	103

**BAB 5 : CABARAN DAN KELANGSUNGAN ADAT MEMUJA
SEMANGAT PADI, 1990-AN**

5.0	Pengenalan.....	105
5.1	Cabaran dalam Arus Pemodenan.....	106
5.2	Faktor Cabaran Adat Memuja Semangat Padi.....	107
5.2.1	Faktor Agama.....	108
5.2.2	Dominasi Kaum Brunei dalam Sektor Penanaman Padi.....	113
5.2.3	Tiada Pakar Ritual Memuja Semangat Padi.....	116

5.2.4	Penggunaan Teknologi dalam Penanaman Padi.....	119
5.3	Senario Adat Memuja Semangat Padi Selepas 1990-an.....	122
5.4	Legasi Adat Memuja Semangat Padi.....	125
5.4.1	Perayaan Pesta Menuai.....	125
5.4.2	<i>Unduk Ngadau</i> dan <i>Sugandoi</i>	129
5.4.3	Mempengaruhi Sosiobudaya Masyarakat Kadazandusun	134
5.5	Penutup.....	136
BAB 6 : PENUTUP.....		138
BIBLIOGRAFI.....		144

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Populasi Penduduk di Membakut Mengikut Kaum.....	35
Jadual 2.2	Pecahan Suku-suku dalam Kaum Kadazandusun di Negeri Sabah.....	46
Jadual 3.1	Lima Peringkat Ritual Memuja Semangat Padi di Daerah Papar pada Tahun 1895.....	58
Jadual 3.2	Jenis-jenis Semangat Padi dan Peranannya.....	69
Jadual 4.1	Senarai Nama <i>Bobolizan</i> Generasi Kedua di Membakut yang Menjalankan Adat Memuja Semangat Padi, 1960-an hingga 1980-an.....	87
Jadual 4.2	Pantang Larang Semasa Upacara Ritual Memuja Semangat Padi.....	90
Jadual 4.3	Pantang Larang Sebelum Selesai Musim Menuai Padi dan Upacara <i>Paina</i>	91
Jadual 4.4	Proses Awal Penanaman Padi Masyarakat Kadazandusun di Membakut, 1960-an hingga 1980-an.....	99
Jadual 4.5	Upacara Ritual Memuja Semangat Padi Masyarakat Kadazandusun di Membakut, 1960-an hingga 1980-an.....	99
Jadual 4.6	Anggaran Statistik Keluasan Tanaman Padi, 1940 – 1963.....	103
Jadual 4.7	Populasi Industri Ekonomi di Borneo Utara pada Tahun 1960 Mengikut Peratus.....	103
Jadual 5.1	Bilangan Masjid dan Surau di Membakut pada Tahun 2010.....	112

Jadual 5.2	Bilangan Gereja Basel di Membakut pada Tahun 2010.....	113
Jadual 5.3	Perbandingan Bilangan Gereja Katolik di Membakut pada Tahun 1980 dan 2010.....	113
Jadual 5.4	Bilangan Pesawah Kaum Kadazandusun di Membakut pada Tahun 2010.....	116
Jadual 5.5	Bilangan Pesawah Kaum Brunei di Membakut pada Tahun 2010.....	116
Jadual 5.6	Aktiviti Sempena Sambutan Pesta Menuai Peringkat Membakut.....	128

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 3.1	Padi yang disimpan dalam Tajau <i>Umahon</i> (Tajau yang digunakan untuk Memuja Semangat Padi).....	70
Gambar 5.1	<i>Bobolizan</i> Terakhir Kaum Kadazandusun di Membakut, Puan Ansiun Pagangan.....	119
Gambar 5.2	Upacara Memotong Padi oleh Pemimpin Masyarakat Sebagai Simbolik kepada Menuai Padi.....	125
Gambar 5.3	Pertandingan <i>Unduk Ngadau</i> atau Ratu Cantik Peringkat Membakut.....	133
Gambar 5.4	Pertandingan <i>Sugandoi</i> atau Nyanyian Peringkat Membakut.....	134

SENARAI PETA

		Muka Surat
Peta 1.1	Membakut.....	7
Peta 2.1	Jajahan Kesultanan Brunei di Kawasan Barat Sabah pada Tahun 1870.....	31
Peta 2.2	Masyarakat Kadazandusun di Sabah.....	47

SENARAI ISTILAH

<i>Ba'asik</i>	Adat perubatan yang paling besar dan utama dijalankan dalam tempoh tiga hari.
<i>Bambaazon</i>	Gelaran semangat padi dalam masyarakat Kadazan.
<i>Bambarayon</i>	Gelaran semangat padi dalam masyarakat Dusun.
<i>Bobohizan</i>	Gelaran pawang atau bomoh dalam masyarakat Kadazandusun di Penampang.
<i>Bobolizan</i>	Gelaran pawang atau bomoh dalam masyarakat Kadazandusun di Membakut.
<i>Divato</i>	Pembantu <i>bobohizan</i> di alam ghaib.
<i>Huminodun</i>	Anak perempuan <i>Kinohaingan</i> yang mengorbankan dirinya bertukar kepada tumbuh-tumbuhan.
<i>Inait</i>	Mentera.
<i>Kaamatan</i>	Pesta Menuai.
<i>Kayamat</i>	Kiamat.
<i>Ketawai</i>	Bekas tempat menyimpan padi.
<i>Kinohaingan</i>	Tuhan pencipta menurut kepercayaan masyarakat tradisi Kadazandusun.
<i>Kolupis</i>	Nasi pulut.
<i>Kungkuvak</i>	Batang padi.
<i>Magavau</i>	Upacara bertujuan untuk mengucapkan terima kasih.
<i>Magumbali</i>	Merajuk.
<i>Mamadangau</i>	Seseorang yang berkebolehan untuk menilik penyakit.
<i>Mangkukuvak</i>	Meniup batang padi.
<i>Mansuung do umoh</i>	Kasih makan semangat padi.
<i>Mikajang</i>	Salah satu daripada adat perubatan ba'asik.

<i>Moginakan</i>	Pesta selepas menuai padi yang diadakan secara besar-besaran.
<i>Nassi</i>	Minuman keras yang diperbuat daripada nasi yang ditapai.
<i>Nunuk ragang</i>	Pokok besar (pokok ara) yang berwarna kemerah-merahan.
<i>Orou napangan nanantab</i>	Pesta menuai (menurut bahasa Murut Timugon).
<i>Paina</i>	Pukulan gong dan kulintangan.
<i>Papunduk</i>	Adat perubatan (dijalankan dalam tempoh satu malam).
<i>Sugandoi</i>	Pertandingan nyanyian.
<i>Sulap</i>	Pondok kecil.
<i>Sumazau</i>	Tarian tradisional masyarakat Kadazandusun.
<i>Umahon</i>	Tajau yang digunakan untuk memuja semangat.
<i>Unduk ngadau</i>	Pertandingan ratu cantik.

SENARAI SINGKATAN

AJK	Ahli Jawatan Kuasa.
JAHEINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society.
KAN	Ketua Anak Negeri.
KCA	Kadazan Cultural Association.
KD	Ketua Daerah.
KDCA	Kadazan Dusun Cultural Association.
Kg	Kampung.
KK	Ketua Kampung.
OKK	Orang Kaya-kaya.
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara.
St	Saint.
WKAN	Wakil Ketua Anak Negeri.

**PERKEMBANGAN ADAT MEMUJA SEMANGAT PADI MASYARAKAT
KADAZANDUSUN DI MEMBAKUT, SABAH, 1960-2010**

ABSTRAK

Kepercayaan terhadap kuasa yang ada pada semangat padi untuk mendatangkan hasil padi yang lumayan telah meresap ke dalam jiwa masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kepercayaan ini telah mendorong masyarakat Kadazandusun untuk mengadakan upacara memuja semangat padi. Adat ini juga amat signifikan kepada masyarakat Kadazandusun kerana ia berkait rapat dengan sumber makanan utama masyarakat ini iaitu padi. Kesignifikan adat memuja semangat padi turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan British melalui pengisytiharan Pesta Menuai sebagai perayaan utama di Sabah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji asal usul dan kepentingan serta menganalisis perkembangan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut. Hasil kajian mendapati bahawa perkembangan adat memuja semangat padi bagi masyarakat Kadazandusun di Membakut bermula pada tahun 1960-an hingga tahun 1980-an. Mulai 1990-an, adat memuja semangat padi menunjukkan bibit-bibit kemerosotan. Natiujahnya, pada masa kini masyarakat Kadazandusun di Membakut tidak lagi menjalankan ritual adat memuja semangat padi. Namun demikian, penghormatan dan tanda syukur terhadap semangat padi dizahirkan melalui upacara simbolik menuai padi semasa perayaan Pesta Menuai. Bagi mengekalkan legasi adat memuja semangat padi, terdapat usaha pemuliharaan adat ini yang dilakukan oleh pemimpin masyarakat Kadazandusun di Membakut. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk mendokumenkan perkembangan, cabaran, legasi dan kelangsungan adat memuja semangat padi yang tidak lagi diamalkan di Membakut untuk generasi akan datang.

THE DEVELOPMENT OF PADDY SPIRITS RELATED RITUAL AMONG THE KADAZANDUSUN IN MEMBAKUT, SABAH, 1960-2010

ABSTRACT

The belief in paddy spirits has become a traditional custom among the Kadazandusun community of Sabah. This belief has led the Kadazandusun to perform ceremonial rituals to worship the paddy spirits. The rites and rituals related to the paddy spirits are very significant to the Kadazandusun because they are closely linked with the staple food of the community - rice. The significance of the ceremonial rituals has been recognized by the British government through the declaration of the Harvest Festival as a main festive celebration in Sabah. This research aims to examine the origins and development of the rites and rituals of the paddy spirits among the Kadazandusun community in Membakut. The findings indicate that the development of this ceremonial ritual of Kadazandusun in Membakut took place between the 1960s and the 1980s. In the 1990s, there were signs of decline of the rites and rituals of paddy spirits. At present, the Kadazandusun community in Membakut is no longer performing the rituals related to the paddy spirits. Nevertheless, the villagers' respect and gratitude to the paddy spirits are expressed through a symbolic ceremony of rice harvesting when the Harvest Festival is held. In order to preserve the legacy of the tradition, the community leaders of Kadazandusun in Membakut have taken some measures. Thus, this research is timely and necessary in documenting the developments, challenges, legacies and survival of the rites and rituals of paddy spirits, which are no longer performed in Membakut, for the sake of the future generations.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini adalah mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut, Sabah. Adat merupakan aturan cara hidup yang meliputi segala bentuk ritual, adat istiadat dan hukuman.¹ Adat memainkan peranan penting bagi membentuk masyarakat yang teratur dan berdisiplin. Setiap individu dalam masyarakat akan merasakan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat, apabila berada dalam satu lingkungan adat yang telah menjadi kebiasaan hidup mereka. Sehubungan dengan itu, keseluruhan struktur adat akan melahirkan suatu identiti bagi satu-satu bangsa atau suku kaum.² Dalam sosiobudaya masyarakat Kadazandusun di Sabah, adat berperanan penting dalam membentuk nilai murni kehidupan mereka. Menurut kepercayaan masyarakat ini juga setiap tindakan yang menyalahi adat sama ada dilakukan secara individu mahupun secara berkelompok oleh ahli masyarakat akan memberi kesan kepada alam ghaib serta mengganggu kehidupan di alam semesta.³ Penggunaan prinsip ‘biar mati anak jangan mati adat’ dalam kalangan masyarakat Kadazandusun cukup menggambarkan bahawa adat merupakan pegangan hidup ke arah kebahagiaan dan pengekal budaya masyarakat ini.

Antara adat yang terpenting dalam budaya masyarakat Kadazandusun ialah adat memuja semangat padi. Kepentingan adat ini dikaitkan dengan kegiatan penghasilan padi. Dalam sistem kepercayaan tradisi masyarakat Kadazandusun, dipercayai bahawa padi mempunyai semangat yang dikenali sebagai *bambaazon*.

¹ Ibrahim Said, “Adat dicipta untuk Keharmonian: Rujukan Undang-undang Adat Suku Kaum Dusun,” *Dewan Budaya*, Jilid 5, Bil. 6 (1983): 53.

² *Ibid.*

³ F.G Whelan, *Dusun Stories from Kota Belud* (Kuching: Borneo Literature Bureau, 1969), 3.

Menurut kepercayaan mereka, untuk mendapatkan hasil padi yang lumayan, maka masyarakat Kadazandusun hendaklah menjalankan upacara ritual memuja semangat padi. Maka tidak hairanlah mengapa masyarakat Kadazandusun amat taat dan patuh kepada amalan memuja semangat padi. Kesignifikan adat ini turut diakui oleh kerajaan British melalui pengisytiharan Pesta Menuai pada tahun 1960 sebagai cuti umum kepada semua penduduk di Sabah.

Menyedari hakikat bahawa pentingnya adat kepada masyarakat maka kajian ini dijalankan bagi meneliti perkembangan, cabaran, serta kelangsungan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Membakut. Pemilihan tajuk kajian adat memuja semangat padi adalah disebabkan adat ini merupakan adat yang paling penting dan mempunyai signifikan kepada masyarakat Kadazandusun di Membakut.

Adat memuja semangat padi merupakan satu kemestian yang diamalkan oleh semua pesawah padi kaum Kadazandusun kerana ia berkait rapat dengan sistem kepercayaan tradisi Kadazandusun bahawa padi mempunyai semangat yang dikenali sebagai *bambaazon*.⁴ Semangat ini boleh berpindah ke tempat lain jika ia terkejut atau menerima layanan yang buruk atau tidak memuaskan hatinya. Semangat ini boleh datang atau balik semula ke tempat asal jika dipanggil atau dipujuk.⁵ Sekiranya tanaman padi mendatangkan hasil yang lumayan, maka dikatakan semangat padi ada bersama-sama dengan pokok padi. Tetapi sekiranya, tanaman padi tidak mendatangkan hasil yang lumayan, maka, dipercayai semangat padi telah lari. Pengamalan adat memuja semangat padi dipercayai dapat mengekalkan semangat

⁴ Temubual bersama Ansiun Pagangan, Bekas *Bobolizan*, Kampung Madang Membakut, Jam 2.30 petang, 18 April 2015.

⁵ Hanafi Hussin, "Ritual Padi Komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah," *Jati Bil.* 10 (2005): 176.

padi agar sentiasa bersama-sama dengan pokok padi dan seterusnya dapat meningkatkan hasil padi.⁶

Selain itu, adat memuja semangat padi amat penting dan bermakna bagi masyarakat Kadazandusun kerana ianya berkait rapat dengan Pesta Menuai iaitu perayaan utama bagi masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kepentingan Pesta Menuai juga turut mendapat pengiktirafan daripada kerajaan British melalui pengisytiharannya sebagai cuti umum mulai tahun 1960.⁷ Pengamalan adat ini juga penting dalam kalangan masyarakat Kadazandusun kerana ia merupakan salah satu cara menzahirkan rasa syukur dan hormat kepada semangat padi.⁸ Tambahan pula, melalui pengamalan adat ini, mereka dapat menunjukkan penghormatan terhadap semangat padi yang memelihara, menjaga serta meningkatkan hasil tuaian padi. Padi bukan sahaja merupakan sumber makanan utama mahupun sebagai mata pencarian tetapi ia juga merupakan tanaman yang dianggap paling suci kerana turut menjadi makanan para semangat.⁹ Kesignifikan upacara memuja semangat padi kepada masyarakat Kadazandusun turut diakui oleh Puan Ansiun Pagangan yang merupakan bekas bomoh dan pernah menjalankan ritual adat memuja semangat padi di Membakut. Bekas bomoh itu menyatakan bahawa sekiranya upacara memuja semangat padi tidak dijalankan maka, padi yang ditanam akan rosak diserang serangga dan tidak akan mengeluarkan hasil yang baik.¹⁰

⁶ Temubual bersama Pitin Junah, Ketua Kampung, Kampung Limadang Membakut, Jam 8. 30 pagi, 11 Julai 2015.

⁷ “*Kaamatan 101: Pengenalan Sejarah dan Budaya Pesta Ka’amatan Negeri di Bawah Bayu*,” (Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah, 2014), 15.

⁸ “Pesta *Kaamatan* Sangat Bermakna kepada Masyarakat Kadazandusun,” *Utusan Borneo*, (1994): 8.

⁹ Edmundson, Anna Baptist-John & Judeth, “Continuing Transformations: The Manarapoh Attire of the Lotud Kadazandusun,” *The Sarawak Museum Journal*, Bil. VII No. 78-New Series (2002): 72.

¹⁰ Temubual bersama Ansiun Pagangan, Bekas *Bobolizan* Kampung Madang Membakut, Jam 2.30 petang, 18 April 2015.

Terdapat dua sebab mengapa Membakut dipilih sebagai kawasan kajian. Pertama, adat memuja semangat padi di Membakut adalah unik berbanding dengan daerah lain di Sabah kerana adat ini tidak lagi diamalkan di Membakut. Keadaan ini disebabkan oleh faktor ketiadaan bomoh untuk mengendalikan upacara memuja semangat padi. Bomoh yang pernah menjalankan adat ini telah meninggal dunia. Hanya tinggal seorang sahaja bomoh yang boleh menjalankan adat ini iaitu Puan Ansiun, namun beliau telah uzur dan tidak mampu lagi menjalankan adat memuja semangat padi. Berbanding dengan daerah Membakut, daerah lain, masih lagi mampu mengekalkan tradisi ini disebabkan masih terdapat bomoh yang boleh mengendalikan adat ini. Ketidadaan bomoh menjelaskan keadaan mengapa adat memuja semangat padi tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Membakut. Walaupun terdapat sebab lain seperti faktor agama, dominasi kaum Brunei dalam sektor penanaman padi, dan penggunaan teknologi dalam penanaman padi yang mendorong kepada adat ini tidak lagi diamalkan. Peranan bomoh sebagai pengendali ritual memuja semangat padi amat penting kerana mereka dikatakan berkebolehan untuk memanggil semangat padi. Natiujahnya, ketidadaan bomoh telah melenyapkan salah satu budaya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Membakut iaitu amalan adat memuja semangat padi.

Kedua, kewajaran pemilihan Membakut sebagai kawasan kajian adalah disebabkan kajian penulis mendapati bahawa terdapat perbezaan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut dengan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di daerah lain di Sabah seperti Papar, Penampang, Putatan, Kota Belud, Tambunan dan Ranau. Perbezaan ini boleh ditunjukkan melalui aspek peringkat ritual. Bagi masyarakat Kadazandusun di Membakut, hanya terdapat dua peringkat ritual adat memuja semangat padi iaitu

peringkat pertama semasa menuai padi dan peringkat kedua selepas menuai padi. Masyarakat Kadazandusun di Membakut tidak menjalankan ritual semasa peringkat awal penanaman padi. Menurut kepercayaan masyarakat Kadazandusun di Membakut, proses penuaian padi menjadi penentu kepada benih padi yang baik untuk penanaman pada musim padi yang akan datang. Benih padi yang baik akan mendatangkan hasil yang lumayan. Oleh itu, bagi memperolehi hasil padi yang baik, upacara memuja semangat padi bermula apabila padi mulai kekuning-kuningan dan sesuai untuk dituai.¹¹

Manakala, bagi masyarakat Kadazandusun di daerah Papar, Penampang, Putatan, Kota Belud, Tambunan dan Ranau, terdapat tiga peringkat ritual memuja semangat padi iaitu peringkat awal penanaman padi, peringkat semasa menuai padi dan peringkat selepas menuai padi. Bagi mendapat hasil tuaian yang baik, sepanjang musim penghasilan padi dari proses menyemai benih, menanam, menuai dan meraikan hasil tuaian padi hendaklah dilakukan upacara memuja semangat padi dengan penuh adat dan tertib.¹² Perbezaan ini menjadikan adat memuja semangat padi di Membakut sangat unik untuk dikaji kerana mereka tidak menjalankan peringkat ritual proses awal penanaman padi.


Skop kajian merangkumi lima dekad bermula dari 1960 hingga 2010. Sepanjang lima dekad tersebut, adat memuja semangat padi di kawasan kajian telah mengalami perubahan yang ketara iaitu perkembangan, kerancakan dan kemerosotan dan akhirnya tidak lagi diamalkan. Pemilihan tahun 1960 sebagai permulaan tahun skop kajian adalah disebabkan pada tahun tersebut, kerajaan British telah mengisytiharkan Pesta Menuai sebagai cuti umum bagi negeri Sabah. Sejak itu, adat

¹¹ Temubual bersama Ansiun Pagangan, Bekas *Bobolizan* Kampung Madang Membakut, Jam 2.30 petang, 18 April 2015.

¹² Hussin, "Ritual Padi Komuniti Kadazan," 176.

ini diamalkan dengan rancak. Sekitar 1990-an, amalan adat ini mengalami kemerosotan kesan daripada pelbagai cabaran. Kajian ini membincangkan amalan adat ini sehingga tahun 2010 untuk menggambarkan keadaan semasa pengamalan adat tersebut.

Peta 1.1 : Membakut



Sumber : Pejabat Daerah Membakut, 2012

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk;

1. Mengkaji asal usul dan kepentingan kepercayaan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun.
2. Menganalisis perkembangan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut.
3. Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh adat memuja semangat padi di Membakut 1990-an hingga 2010.
4. Menghuraikan kelangsungan adat memuja semangat padi pada masa kini serta usaha pemuliharaan.

1.2 KENYATAAN HIPOTESIS

1. Adat memuja semangat padi mengalami era perkembangan bermula pada tahun 1960-an hingga tahun 1980-an kesan daripada pengiktirafan Pesta Menuai sebagai perayaan utama di Sabah oleh kerajaan British.
2. Adat ini mengalami pelbagai cabaran bermula pada tahun 1990-an yang membawa kepada era kemerosotan pengamalan adat ini.
3. Adat memuja semangat padi tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Membakut tetapi sebagai tanda kesyukuran terhadap semangat padi dijalankan secara simbolik melalui perayaan Pesta Menuai yang diadakan pada setiap tahun.

1.3 PENDEKATAN KAJIAN

1.3.1 Pendekatan Sejarah

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji menggunakan pendekatan sejarah. Pendekatan sejarah merupakan disiplin ilmu yang membincangkan pelbagai peristiwa dengan merujuk kepada unsur, tempat, waktu, objek, latar belakang dan

pelaku dari peristiwa tersebut.¹³ Melalui pendekatan sejarah, kajian dapat dijelaskan secara terperinci mengikut susunan kronologi setiap peristiwa yang telah berlaku. Penggunaan sumber berdasarkan penelitian sumber primer iaitu melalui dokumen-dokumen penting dan buku-buku ilmiah. Terdapat dua kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapat sumber primer tersebut iaitu melalui kajian arkib dan kajian perpustakaan.

1.3.2 Pendekatan Etnosejarah

Selain daripada menggunakan pendekatan sejarah, kajian ini juga menggunakan satu lagi pendekatan iaitu pendekatan etnosejarah. Pendekatan etnosejarah merupakan pendekatan yang menggabungkan kajian budaya dengan bahan sejarah.¹⁴ Melalui pendekatan etnosejarah, kajian mengenai budaya sesuatu masyarakat cuba difahami dengan menyelami adat resam, kebiasaan dan tatacara kehidupan ahli masyarakat berkenaan. Melalui pendekatan ini, maklumat diperolehi menerusi pemerhatian sama ada secara berpartisipasi atau tidak berpartisipasi, temuramah dan soal selidik.¹⁵ Penggunaan sumber adalah berdasarkan gabungan sumber bertulis sejarah dengan kajian lapangan.

1.4 KAEDAH KAJIAN

1.4.1 Kajian Arkib

Melalui kaedah ini, pengkaji mengumpul, menilai dan menganalisis data secara sistematik dan objektif terhadap catatan peristiwa masa lampau. Arkib cawangan negeri Sabah merupakan tempat dominan yang digunakan oleh pengkaji untuk memperolehi sumber primer dan sekunder. Antara dokumen penting yang diteliti

¹³ Kuntowijoyo, *Pengantar Ilmu Sejarah*, (Yogyakarta: Bentang, 1997), 25.

¹⁴ C. A Valentine, *Use of Ethnohistory in an Acculturation Study*, (Kansas: University of Kansas, 1960), 2.

¹⁵ Qasim Ahmad, *Penyelidikan: Pendekatan dan Cabaran*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 50.

oleh pengkaji dalam kaedah arkib ini ialah warta kerajaan British seperti *Colony Of North Borneo Government Gazette* dan *North Borneo Government Gazette Extraordinary*. warta kerajaan negeri Sabah seperti *State of Sabah Government Gazette*. Laporan kerajaan British seperti *North Borneo Colonial Report*. laporan kerajaan negeri Sabah, akhbar British seperti *B.N.B Asiatic Soc. Supplement to The British North Borneo Herald* dan *North Borneo News and Sabah Times*, surat Kerajaan British, surat kerajaan negeri Sabah, jurnal kerajaan British, jurnal kerajaan negeri Sabah dan gambar semasa pentadbiran kerajaan British.

1.4.2 Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah ini, pengkaji telah memperolehi sumber sekunder di perpustakaan muzium negeri Sabah seperti *Sabah Society Journal*, *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, buku cenderahati Pesta Menuai peringkat negeri Sabah tahun 1989 dan 1999 dan akhbar *Borneo Mail*, *Harian Express* serta Utusan Borneo. Selain itu, pengkaji juga turut membuat penelitian buku mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Sabah, kertas kerja mengenai masyarakat Kadazandusun di Sabah oleh Benedict Topin dan Rita Lasimbang, majalah Dewan Budaya dan Etnik serta akhbar *New Sabah Times* di perpustakaan awam negeri Sabah di Penampang, Kota Kinabalu, Beaufort. Kesemua maklumat yang diperolehi, dikumpul, dinilai serta dianalisis oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang sahih berkaitan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Sabah dan khasnya di Membakut.

1.4.3 Kaedah Temubual

Kaedah utama yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah temubual. Sesi temu bual dijalankan melalui kaedah temubual separa berstruktur. Responden

pula terdiri daripada *bobolizan* yang pernah menjalankan adat ini, waris *bobolizan*, *mamadangau* (seseorang yang berkebolehan untuk menilik penyakit), Penolong Pegawai Daerah Kecil Membakut, Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua-ketua Kampung, Pegawai Kerajaan (Jabatan Pertanian Membakut dan Beaufort, Jabatan Parit dan Saliran Beaufort, Jabatan Haiwan Membakut, Bahagian Perlesenan Perniagaan Membakut, Jabatan Hal Ehwal Islam negeri Sabah Cawangan Membakut), Pengerusi Perubatan Tradisional Kadazandusun Sabah (KDCA), wakil pihak gereja St. Patrick Membakut, wakil pihak gereja Basel Membakut, generasi tua yang pernah menyaksikan upacara tersebut serta penduduk Kadazandusun di Membakut. Kriteria pemilihan responden adalah berdasarkan mereka yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dengan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut. Temu bual yang dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang diceritakan secara lisan mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut. Penggunaan kaedah ini sebagai sumber primer disebabkan kekurangan data dan maklumat penting secara bertulis mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut.

Melalui kaedah temubual separa berstruktur ini, pengkaji menjalankan tembual berdasarkan soalan yang disediakan oleh pengkaji. Pengkaji terlebih dahulu menyenaraikan soalan-soalan yang perlu ditanya kepada responden. Penyenaraian ini penting bagi memastikan soalan-soalan yang ingin diajukan dapat dijawab oleh responden. Selain itu, melalui penyenaraian soalan ini, pengkaji dapat mengelakkan maklumat yang tidak relevan. Seterusnya maklumat-maklumat ini dapat dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian ini. Semasa sesi temu ramah, pengkaji menggunakan alat bantu seperti perakam suara dan kamera untuk merakam

perbualan dan gambar responden. Hal ini bagi memastikan kaedah penyoalan mempunyai kesahan yang tinggi.

Dapatan maklumat daripada temubual ini dianalisis melalui kaedah tematik. Melalui kaedah tematik ini, pengkaji akan melakukan penelitian terhadap maklumat yang terikat dengan tema. Antara tema yang dikemukakan oleh pengkaji ialah perkembangan adat, cabaran adat dan usaha pemuliharaan adat yang akan ditonjolkan dalam pembahagian bab. Pengkaji akan meneliti setiap maklumat yang diberikan berdasarkan tema agar dapat memberikan gambaran sebenar adat memuja semangat padi secara tepat, terperinci serta dapat membuktikan dan menghasilkan penemuan kepada penyelidikan yang dijalankan.

1.4.4 Kajian Lapangan

Melalui kaedah ini, pengkaji berkunjung ke Pesta Menuai peringkat negeri Sabah di Penampang, Pesta Menuai peringkat daerah Beaufort, Pesta Menuai peringkat Membakut dan Pesta Menuai peringkat kampung di Membakut. Pengkaji juga turut menghadiri upacara ritual memuja semangat laut di Kuala Sungai Membakut, upacara memuja semangat rumah di Kampung Tahak Membakut dan upacara memuja semangat padi penduduk Kadazandusun di Kampung Limadang Membakut. Selain itu, pengkaji juga menjalankan lawatan ke rumah *bobolizan* di kampung Madang Membakut dan waris *bobolizan* di kampung Tahak Membakut bagi melihat sendiri peralatan yang pernah digunakan untuk kegunaan adat memuja semangat tajau, semangat di sungai dan dilaut, semangat rumah dan memuja semangat padi. Semasa menjalankan kaedah ini, pengkaji menggunakan alat bantu seperti perakam gambar dan video untuk merakam sambutan Pesta Menuai serta ritual adat memuja semangat di sungai dan di laut, semangat rumah dan khasnya upacara memuja

semangat padi yang dijalankan oleh penduduk Kadazandusun di kampung Limadang Membakut. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat sendiri dan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting sebagai pelengkap maklumat-maklumat yang diperolehi dari sumber lisan dan sumber bertulis yang lain.

1.5 SOROTAN LITERATUR

Kajian ini meneliti perkembangan adat memuja semangat padi mengikut peringkat masa yang berbeza dengan fokus kepada aspek perkembangan, cabaran, kelangsungan, pemuliharaan dan legasi adat. Kajian ini juga meneliti hubungkait perkembangan adat pada zaman kontemporari dan cuba merungkai mengapa adat ini hilang ditelan zaman. Berdasarkan sorotan literatur, kajian lepas hanya meneliti ritual memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun tanpa melihat perkembangan, cabaran, kelangsungan, pemuliharaan dan legasi adat. Secara umumnya, sorotan literatur mengenai masyarakat Kadazandusun dan adat memuja semangat padi di Sabah dapat dibahagikan kepada enam iaitu lima bahagian mengikut penzamanan semasa pentadbiran SBBU, semasa pentadbiran kerajaan British, selepas pembentukan Malaysia, abad ke 21, penulisan komprehensif mengenai adat memuja semangat padi di daerah lain seperti Penampang dan Papar serta satu bahagian mengenai adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Semasa pentadbiran SBBU di Borneo Utara W.B. Pryer,¹⁶ J. Whitehead,¹⁷ dan Owen Rutter¹⁸ ada menulis adat memuja semangat padi dalam kalangan kaum Dusun dan Murut. Melalui penulisan tersebut, mereka telah berjaya menulis dengan lengkap bagaimana upacara memuja semangat padi dijalankan oleh kaum Dusun dan Murut. Namun, penulisan dan kajian lebih menumpu kepada adat memuja semangat

¹⁶ W.B Pryer, "The Natives of British North Borneo," *The British North Borneo Herald*, (1886): 4.

¹⁷ John Whitehead, *The Exploration of Kinabalu North Borneo*, (London: Gurney and Jackson, 1893), 100.

¹⁸ Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of History, Resources and Native Tribes*, (London: Constable and Company Limited, 1922), 58.

padi di daerah Sandakan, Papar dan Tambunan. Selain itu, G.C Woolley¹⁹ telah berjaya menghasilkan penulisan enam naskah buletin mengenai hukum adat secara lengkap kaum Dusun, Timogun dan Murut di Tenom, Tuaran, Keningau, Papar, Ranau dan Tambunan. Dengan terhasilnya penulisan ini, membuktikan bahawa pihak SBBU berusaha untuk mengenali serta mengetahui adat dan budaya penduduk Borneo Utara. Namun penulisan G.C Wolley tidak menyentuh mengenai adat memuja semangat padi. Manakala, Pangeran Osman bin OKK Pangeran Haji Omar²⁰ berjaya membuat kajian mengenai hukum adat kaum Dusun di Putatan. Kajian lengkap mengenai hukum adat kaum Dusun di Putatan dianggap satu kejayaan kerana Pangeran Osman merupakan satu-satunya penulis tempatan yang menulis mengenai hukum adat kaum Dusun semasa pentadbiran SBBU.

Semasa pentadbiran British, J. Stall²¹ telah menulis mengenai adat memuja semangat padi kaum Dusun di Papar. Penulisan ini telah mengupas secara lengkap mengenai corak budaya serta amalan memuja semangat padi kaum Dusun di Papar. Manakala, Monica Glyn-Jones²² menulis mengenai adat memuja semangat padi kaum Dusun di Penampang. Penulisan ini menyentuh bagaimana kaum Dusun menjalankan adat memuja semangat padi. Kajian yang dijalankan oleh kedua-dua penulis diatas membuktikan bahawa penulis Barat amat tertarik untuk mengkaji amalan budaya sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Kadazandusun di Sabah.

¹⁹ G.C Woolley, *Tuaran Adat: Some Customs of Tuaran*, (West Coast Residency, North Borneo, Sandakan NAB No. 2, Government Printer, 1937), 2.

²⁰ Pangeran Osman bin O.K.K Pangeran Haji Omar, "Dusun Custom in Putatan District," *North Borneo Native Affairs Bulletins*, No. 7 (1932): 7.

²¹ J. Staal, "The Dusun of North Borneo: Their Social Life," *ANTHROPOPOS*, Bil. XVIII (1923): 63.

²² Monica Glyn-Jones, *The Dusun of Penampang Plains in North Borneo*, (M.A (Cantab), 1953), 117.

Selepas pembentukan Malaysia, terdapat juga penulis seperti F.G Whelan,²³ T.R Williams,²⁴ Arenawati,²⁵ George Appell,²⁶ Cyrill Aliston²⁷ dan James P. Ongkili²⁸ ada mengkaji masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian yang dijalankan oleh penulis-penulis tersebut telah meletakkan masyarakat Kadazandusun sebagai masyarakat yang kaya dengan amalan adat istiadat yang menjadi tunjang kepada kehidupan mereka. Namun, kajian yang dijalankan lebih menumpu kepada sosiobudaya Kadazandusun dari aspek sistem kepercayaan dan sistem organisasi masyarakat tersebut.

Pada awal abad ke-21 ini, naskhah mengenai Kadazandusun di Sabah masih menjadi fokus utama untuk dijadikan sebagai kajian. Antara pengkaji tersebut ialah Herman J. Luping,²⁹ Dayu Sansalu,³⁰ Rita Lasimbang,³¹ D.S Ranjit Singh,³² P.S Shim,³³ Mohd Razalee Goroh³⁴ dan Felix Tongkul³⁵. Namun, pengkaji-pengkaji ini lebih menumpukan kepada keadaan ekonomi dan sosiobudaya masyarakat

²³ F.G Whelan, *A History of Sabah*, (Singapore: MacMillan and Co(S) Ltd, 1970), 24.

²⁴ T.R Williams, *The Dusun: A North Borneo Society*, (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1965), 3.

²⁵ Arenawati, *Dusun: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*, (Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah, 1978), 5

²⁶ George Appell, "Social Anthropological Research among the Rungus Dusun: A Talk for the Sabah Society," *Sabah Society Journal*, (1986): 8.

²⁷ Cyrill Alliston, *Threatened Paradise North Borneo and Its People*, (London: Robert Hale, 1966), 83.

²⁸ James P. Ongkili, "Kadazan Tribal Leadership and Ethnic Consciousness in Pre-Colonial Sabah," *Sabah Society Journal* Bil. 16, (1999): 18.

²⁹ Herman J. Luping, *Indigenous Ethnic Communities of Sabah: The Kadazandusun*, (Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communications and Culture Malaysia, 2009), 95.

³⁰ Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 28.

³¹ Rita Lasimbang, "Exploring the Art of Bobohizan-Keeper of Kadazan Rituals and Chants," Pembentangan Kertas Seminar di Borneo Research Council: 7th Biennial International Conference, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, (2002): 15-18.

³² D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, (Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, 2011), 12.

³³ P.S. Shim, *Inland People of Sabah: Before, During and After Nunuk Ragang*, (Putatan: Borneo Cultural Heritage, 2007), 37.

³⁴ Mohd Razalee Goroh, *Sepintas Lalu Mengenai Adat Istiadat Dusun/Kadazan Kota Belud*, (Kota Kinabalu: Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah, 1986), 2.

³⁵ Felix Tongkul, "Traditional Systems of Indigenous People of Sabah, Malaysia: Wisdom Accumulated Through Generations," *PACOS TRUST*, (2007): 14.

Kadazandusun di Sabah. Hanya sedikit sahaja pengkajian mengenai adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian lengkap mengenai adat memuja semangat padi di Sabah seperti I.H.N Evans melalui bukunya *The Religion of The Tempasuk Dusuns of North Borneo*.³⁶ Evans menjalankan kajian adat memuja semangat padi ke atas tiga buah kampung kaum Dusun di daerah Tempasuk iaitu Kampung Kadamaian, Kampung Piasau dan Kampung Toburon. Kajian Evans mendapati bahawa terdapat perbezaan peringkat ritual adat memuja semangat padi mengikut tiga buah kampung yang dikaji. Perbezaan ini menggambarkan bahawa, walaupun tiga buah kampung tersebut berada di satu daerah yang sama, namun cara pengamalan ritual tetap berbeza. Dalam keadaan ini, penulis ingin menyorot kembali cara pengamalan ritual memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut kerana terdapat perbezaan ritual antara Daerah Tempasuk dengan Membakut.

Selain itu, terdapat juga pengkaji tempatan mengkaji adat memuja semangat padi dengan lengkap antaranya ialah Hanafi Hussin,³⁷ Low Kok On dan Lee Yok Fee,³⁸ J.B Burrough dan A. Jamin,³⁹ Peter R. Phelan⁴⁰ dan Benedict Topin⁴¹.

³⁶ I.H.N. Evans, *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*, (London: Cambridge University Press, 1953), 42.

³⁷ Hanafi Hussin, "Ritual, Identiti dan Perubahan di Pantai Barat Sabah: Pengalaman Komuniti Kadazan Penampang," *Jati Bil.* 12, (2007): 190.

³⁸ Low Kok On & Lee Yok Fee, "Investigating the Relationship between Kadazandusun Beliefs about Paddy Spirits, Riddling in Harvest-Time and Paddy-Related Sundait," *MALIM-SEA Journal of General Studies*, (2012): 72-94.

³⁹ Josephine Boenisch Burrough & Alik Jamin, "Traditional Methods of Dusun Rice Cultivation," *Sabah Society Journal*, (1972): 354-364.

⁴⁰ Peter R. Phelan, "The Monogit Ceremony of the Kadazans (Dusuns) of the Penampang-Putatan Region," *Sabah Society Journal Bil.* VI no. 4 (1979-1980), (2012): 151.

⁴¹ Benedict Topin, "The Kadazan Kaamatan Festival," *Buku Cenderahati Sempena Pesta Kaamatan Peringkat Negeri, KDCA* (1989): 4.

Penulisan Hanafi Hussin, Low Kok On dan Lee Yok Fee, J.B Burrough dan A. Jamin, Peter R. Phelan serta Benedict Topin berjaya mengupas secara lengkap pengamalan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Penampang.

Dapatan pertama daripada kajian Hanafi Hussin dan Benedict Topin menunjukkan bahawa terdapat tiga peringkat utama yang perlu dilakukan untuk melaksanakan adat memuja semangat padi iaitu peringkat menanam padi, peringkat menuai padi dan peringkat selepas menuai padi. Setiap peringkat tersebut akan melalui beberapa proses upacara ritual memuja semangat padi. Selain itu, dapatan kedua daripada kajian Hanafi Hussin, J.B Burrough dan A. Jamin, Peter R. Phelan dan Benedict Topin menunjukkan bahawa kepentingan padi dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun, ini terbukti melalui proses penghasilan padi yang mesti dilakukan dengan berhati-hati dan penuh adat istiadat. Manakala, kajian Low Kok On dan Lee Yok Fee pula mendapati bahawa terdapat perkaitan antara kepercayaan semangat padi dengan amalan berteka teki atau *sundait* yang berunsurkan padi. Amalan *sundait* ini biasanya dilakukan semasa musim menuai padi. Walau bagaimanapun, skop kajian ini lebih menekankan masyarakat Kadazandusun di Penampang.

Setakat yang diketahui oleh pengkaji, belum ada sebarang kajian secara menyeluruh mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut. Hanya seorang sahaja pengkaji yang menulis tentang Membakut iaitu Francis Lai Teck Lan.⁴² Pengkajian Francis Lai Teck Lan telah berjaya menyingkap sejarah asal usul Membakut secara lengkap bermula daripada pentadbiran kerajaan

⁴² Francis Lai Teck Lan, "Membakut Recalled," Arkib Negeri Sabah (1974): 9.

Brunei sehingga kepada pentadbiran kerajaan British. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak menyentuh mengenai adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut.

Adat memuja semangat padi bukan hanya diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah, malah adat ini juga turut diamalkan oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Abu Talib Ahmad⁴³ dan Michael Gates Peletz⁴⁴ membuat kajian mengenai adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Melayu di negeri Sembilan. Peletz telah berjaya mengupas dengan lengkap kajian mengenai perkembangan adat memuja semangat padi di negeri Sembilan bermula pada tahun 1957 sehingga tahun 1970-an. Manakala, R. D Hill⁴⁵ telah menjalankan kajian mengenai penanaman padi di Tanah Melayu dengan fokus utama di negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Pulau Pinang, Terengganu, Perak, Melaka, Pahang dan Johor. Pengkajian R. D Hill sangat penting kerana kajian mengenai padi dilakukan secara menyeluruh iaitu merangkumi kajian penanaman padi terawal di Selatan Timur Asia.

Sehubungan itu, dengan adanya kajian mengenai adat memuja semangat padi ini, dapat mengisi kelompong ilmu dalam aspek pengkajian mengenai sosiobudaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia khasnya masyarakat Kadazandusun di Membakut. Tambahan pula, setakat ini belum ada sebarang kajian mengenai adat memuja semangat padi yang berfokus kepada perkembangan, cabaran, kelangsungan, pemuliharaan dan legasi adat.

⁴³ Abu Talib Ahmad, *Museums, History and Culture in Malaysia*, (Singapore: National University of Singapore, 2015), 79.

⁴⁴ Michael Gates Peletz, *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History among the Malays of Rembau*, (California: University of California Press, 1988), 91.

⁴⁵ R. D Hill, *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, (Singapore: National University of Singapore, 1977), 55.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah signifikan dan tepat pada masanya memandangkan adat memuja semangat padi tidak lagi diamalkan di Membakut sejak tahun 1990-an dan pakar ritual adat semakin berkurangan. Memandangkan sumber lisan merupakan sumber yang bernilai bagi kajian adat, adalah penting untuk mendapatkan sumber sejarah daripada generasi tua yang terlibat secara langsung dalam upacara adat selagi mereka masih hidup. Oleh yang demikian, kajian mengenai adat ini perlu dilakukan sebagai salah satu usaha pemuliharaan untuk generasi akan datang.

Pendokumentasian ini penting bagi memulihara warisan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut. Pemuliharaan ini perlu, memandangkan ramai *bobolizan* yang menjalankan adat ini telah meninggal dunia. Kebanyakan waris *bobolizan* tidak berminat untuk mempelajari ilmu memuja semangat padi. Tambahan pula, waris-waris *bobolizan* yang mengetahui pelaksanaan adat ini ada yang telah berpindah dan menetap ke daerah lain. Perpindahan ini menyebabkan maklumat mengenai adat memuja semangat padi sukar diperoleh kerana waris *bobolizan* tidak dapat di hubungi. Manakala, generasi tua yang pernah menyaksikan adat ini dijalankan pada masa dahulu semakin berkurangan. Ini disebabkan ramai dalam kalangan mereka telah meninggal dunia. Maka, sewajarnya kajian adat memuja semangat padi masyarakat kadazandusun di Membakut dapat direkodkan dan didokumentasikan sebagai bahan rujukan kepada generasi yang akan datang seterusnya dapat memperkayakan naskah sejarah adat istiadat masyarakat di Malaysia.

Di samping itu, terdapat percanggahan pendapat antara generasi tua dalam memberikan pendapat ritual adat memuja semangat. Terdapat segelintir generasi tua

menyatakan bahawa ritual adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut dijalankan melalui tiga peringkat iaitu di peringkat awal penanaman padi, semasa menuai padi dan selepas menuai padi. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan besar generasi tua yang menyatakan bahawa ritual adat memuja semangat padi dijalankan melalui dua peringkat. Sehubungan itu, kajian ini penting bagi menolak pendapat bahawa terdapat tiga peringkat ritual memuja semangat padi di Membakut.

Kajian ini juga penting untuk mengenalpasti perbezaan ritual adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Membakut dengan daerah lain yang telah dikaji oleh penulis sejarah seperti Penampang, Tempasuk (Kota Belud), Papar, Ranau, Tambunan dan Putatan. Kajian penulis mendapati terdapat perbezaan ritual adat memuja semangat padi terutama dari aspek pelaksanaannya. Pelaksanaan ritual adat memuja semangat padi di Penampang, Tempasuk, Papar, Ranau, Tambunan dan Putatan bermula daripada proses membersihkan tanah sawah, proses menanam padi, proses menuai padi sehingga tamat musim menuai padi. Namun, di Membakut pelaksanaan ritual adat memuja semangat padi bermula apabila padi telah masak dan sesuai untuk dituai sehingga selesai musim menuai padi. Ini menjelaskan bahawa masyarakat Kadazandusun di Membakut tidak menjalankan ritual adat memuja semangat padi bagi proses membersihkan tanah sawah dan proses menanam padi. Penjelasan ini penting bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat luar bahawa semua masyarakat Kadazandusun di Sabah menjalankan amalan peringkat ritual adat memuja semangat padi yang sama.

Sehubungan itu, maka wajarlah kajian mengenai adat memuja semangat padi ini dapat didokumentasikan. Pendokumentasian ini penting sebagai satu cara untuk

masyarakat Malaysia khususnya di Sabah mengetahui secara lengkap mengenai perkembangan, cabaran serta kelangsungan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Membakut. Malahan, kepentingan ini juga menyebabkan pemimpin-pemimpin masyarakat di Membakut turut menyokong dan mengakui bahawa kajian serta pendokumentasian yang dijalankan oleh pengkaji merupakan salah satu usaha ke arah pemuliharaan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Membakut ini. Berikut merupakan hasil temubual pengkaji dengan Ketua Daerah iaitu Haji Muadi yang menyatakan sokongan terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

“Bah...ngam la atu...kau membuat kajian adat ani...sampai sakarang ani balum ada lagi penulisan tentang adat istiadat Kadazandusun di Membakut...minta maaf lah banyak-banyak tidak dapat mambari maklumat yang lengkap mengenai adat ani...tapi aku manyokong kau mambuat kajian dan menulis buku manganai adat puja semangat padi...mun kau mamarlukan bantuan maklumat lain...kau jumpa saja kerani yang berkaitan...kami santiasa menyokong kau.”⁴⁶

Selain itu, Ketua Anak Negeri bagi masyarakat Kadazandusun di Membakut iaitu Encik Robit Awong turut menyatakan sokongan terhadap kajian yang dilakukan oleh penulis. Berikut merupakan temubual penulis dengan beliau,

“Saya menyokong panuh dengan kajian mamuja samangat padi ini.....saya harap dengan adanya kajian ini, urang lain tahu bahawa di Membakut ini pun ada adat mamuja samangat padi....kalau kau tidak buat ini kajian.....mesti ini adat akan hilang begitu saja....sayang pula kalau itu adat hilang begitu saja.”⁴⁷

Kajian ini adalah untuk meneliti kembali perkembangan adat memuja semangat padi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Membakut. Adat

⁴⁶ Temubual bersama Haji Muadi Saman, Ketua Daerah, Pejabat Daerah Kecil Membakut, Jam 10.00 pagi, 03 Februari 2014.

⁴⁷ Temubual bersama Robit Awong, Ketua Anak Negeri (Kadazandusun) Membakut, Jam 2.30 petang, 24 April 2014.

merupakan peringatan am yang mencerminkan tingkah laku dan pedoman kepada tatasusila dalam masyarakat tertentu.⁴⁸

1.7 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab yang disusun secara kronologi. Bab satu merupakan bab pengenalan yang menjelaskan tentang prosedur keseluruhan bab merangkumi latar belakang kajian, objektif kajian, kenyataan hipotesis, pendekatan kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian dan pembahagian bab.

Bab dua akan meninjau sejarah ringkas latar belakang pengasasan Membakut serta demografi Membakut pada masa kini. Selain itu, bab ini akan menjelaskan istilah Kadazan, Dusun dan Kadazandusun serta sejarah asal usul masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kupasan mengenai asal usul masyarakat Kadazandusun akan dibahagikan kepada tiga iaitu melalui penyelidikan arkeologi, teori migrasi dan melalui cerita mitos. Selanjutnya, pengkaji juga membincangkan mengenai kedatangan masyarakat Kadazandusun ke Membakut.

Bab tiga akan menjelaskan kedatangan British dan adat memuja semangat padi. Perbincangan mengenai kedatangan British meliputi perkembangan adat memuja semangat padi masyarakat Kadazandusun di Sabah sebelum dan selepas kedatangan British. Dalam bab ini juga dijelaskan bagaimana penerimaan pentadbir Sabah sebelum kedatangan British iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) terhadap amalan memuja semangat padi. Selain itu, huraian mengenai bagaimana penerimaan kerajaan British iaitu selepas kedatangan British ke Sabah terhadap amalan memuja semangat padi. Selanjutnya, bab ini juga akan membincangkan

⁴⁸ Said, "Adat dicipta untuk Keharmonian," 53